

Kekal jadi Menteri Besar Johor

# Othman Saat patuhi permintaan Mahathir

**KUALA LUMPUR, Ahad**

**TAN Sri Haji Othman Saat** dipercayai mematuhi permintaan **Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad** supaya terus menjadi Menteri Besar Johor di samping memimpin UMNO negeri itu sekurang-kurangnya sehingga pilihanraya akan datang.

Sumber-sumber yang rapat dengan Menteri Besar itu ketika dihubungi hari ini memberitahu, **Tan Sri Haji Othman** nampaknya akan terus kekal menjadi Menteri Besar dan memimpin UMNO Johor.

"Tidak ada tanda-tanda menunjukkan **Tan Sri Haji Othman** bersedia meninggalkan jawatannya sebagai Menteri Besar setakat hari ini," katanya.

Perkara perletakan jawatan ini timbul berikutan beberapa cawangan UMNO di Johor mendesak supaya beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar.

## Perkara biasa

"**Tan Sri Haji Othman** tidak menganggap serius tekanan itu, sebaliknya menganggap masalah tersebut merupakan perkara biasa dalam politik," kata sumber-sumber itu.

Sumber-sumber itu menambah, **Tan Sri Haji Othman** akan terus memegang lampok pemerintahan negeri Johor selagi perkhidmatan dan tenaganya diperlukan.

**Datuk Seri Dr. Mahathir** selaku Presiden UMNO Malaysia membayangkan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri akan terus kekal seperti yang ada sekarang bila beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri Selasa ini.

Ia perletakan jawatan **Tan Sri Haji Othman** timbul berikutan kekalahannya untuk merebut jawatan dalam Majlis Tertinggi UMNO. Beliau merupakan Menteri Besar tunggal kalah dalam rebutan tersebut.

**Tan Sri Haji Othman** kini masih menjadi Ketua Perhubungan UMNO Johor dan Timbalan Presiden UMNO yang baru dipilih, **Datuk Musa Hitam** selaku Timbalannya.

**Datuk Musa** disebut-sebut akan dilantik menjadi Ketua Perhubungan UMNO negeri tersebut selepas sidang MT akan datang.

**Tan Sri Haji Othman** pula akan dilantik menganggotai semula Majlis Tertinggi UMNO.

Pemerhati politik meramalkan kekecohan politik di Johor akan dapat dibendung memandangkan campurtangan secara tidak langsung **Datuk Musa Hitam** selaku Timbalan Presiden UMNO.

**Datuk Musa** dipercayai telah mengemukakan beberapa formula kompromi dengan golongan muda yang mementang pimpinan **Tan Sri Haji Othman**.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia